

PP	KJ	KK	JUM
23	1	14	38

No. Kad Pengenalan: _____



PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN

PENGAWAL KESELAMATAN KP11

**SUBJEK UTAMA (KUMPULAN D)
KERTAS I**

Tarikh : 30 Oktober 2019 (Rabu)

Masa : 9.00 pagi – 11.00 pagi (2 jam)

Tempat : Kampus Induk, Kampus Kejuruteraan & Kampus Kesihatan

ARAHAN KEPADA CALON

Kertas soalan ini mengandungi **LIMA PULUH (50)** soalan berbentuk objektif. **Jawab SEMUA soalan.** Setiap soalan bernilai 2 markah. Bulatkan jawapan anda pada kertas soalan dan kembalikan kepada Pengawas apabila tamat peperiksaan.

Calon **TIDAK DIBENARKAN** membawa keluar kertas soalan. Sila serahkan kertas soalan bersama-sama buku jawapan kepada Pengawas sebelum meninggalkan dewan.

**Kertas soalan ini mengandungi 13 muka surat termasuk muka hadapan.
JANGAN BUKA KERTAS SOALAN SEBELUM DIARAHKAN**

Jawab **SEMUA** soalan.

1. Konsep Universiti Dalam Taman diperkenalkan oleh :-
 - A. Penaung Diraja Universiti APEX
 - B. Tan Sri Dzulkifli Abdul Razak
 - C. Canselor USM
 - D. Pro Canselor USM

2. Bagi menyanjungi sumbangan dan pencapaian YAB Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai negarawan ulung, beliau telah dianugerahkan dengan Anugerah Khas _____ dalam Upacara Konvokesyen Komemoratif Universiti Sains Malaysia (USM) 2019 baru-baru ini.
 - A. Anugerah Emerita
 - B. Kedoktoran Kehormat
 - C. Anugerah Kelestarian Canselor
 - D. Anugerah Tokoh Pemikir

3. Batu asas Maktab Universiti, Pulau Pinang telah diletakkan oleh :-
 - A. Yang Di Pertuan Agong
 - B. Perdana Menteri Malaysia yang Pertama
 - C. Naib Canselor USM Pertama
 - D. Tuan Yang Di Pertua Pulau Pinang

4. YBhg. Prof. Datuk Dr. Asma Ismail, FASc. merupakan Naib Canselor yang ke :-
 - A. Lima
 - B. Enam
 - C. Tujuh
 - D. Lapan

5. USM menggalakkan semangat kesukanan serta meraikan kebolehan dan bakat staf dalam kegiatan sukan. Dengan semangat ini, maka _____ diperkenalkan.
- i. Temasya Olahraga Tahunan (TOT)
 - ii. Sukan Antara Jabatan (SUKJAP)
 - iii. Hari Warga Staf USM
 - iv. PIMPIN
- A. i sahaja
 - B. i dan ii
 - C. i, ii dan iii
 - D. Semua di atas
6. Mana-mana pekerja dan pelajar Universiti boleh melaporkan maklumat secara rahsia kepada :-
- A. Pengerusi Lembaga Gabenor Universiti
 - B. Ombudsman
 - C. Canselor
 - D. Naib Canselor
7. Qalbu yang dimaksudkan dalam Rukun Nilai USM adalah :-
- i. Kesucian hati
 - ii. Amanah
 - iii. Ukhwah
 - iv. Perbuatan
- A. Kesemua di atas
 - B. ii dan iii
 - C. iii dan iv
 - D. i, ii dan iii
8. Waktu Bekerja Fleksi (WBF) adalah kemudahan yang diberikan kepada :-
- A. Staf pentadbiran dan pelaksana yang bertugas secara shif
 - B. Staf pentadbiran dan pelaksana yang bertugas waktu kerja normal
 - C. Staf akademik dan pentadbiran
 - D. Staf pelaksana sahaja

9. Cuti sabbatical layak dipohon oleh :-
- i. Profesor
 - ii. Profesor Madya
 - iii. Pensyarah kanan
 - iv. Pensyarah kehormat
- A. i, ii dan iii
B. iii dan iv
C. i, ii dan iv
D. Semua di atas
10. USM memperkenalkan *tagline* Transformasi Pendidikan Tinggi untuk Kelestarian Hari Esok selaras dengan penganugerahan status :-
- A. Universiti Penyelidikan
B. Universiti APEX
C. Universiti Keusahawanan
D. Universiti 50 tahun
11. Polisi _____ bertujuan menegakkan nilai integriti tertinggi di kalangan pekerja dan pelajar Universiti selaras dengan Ikrar Integriti Universiti tahun 2012.
- A. Integriti Universiti
B. Pemberi Maklumat Universiti
C. Perundangan
D. Perlindungan Universiti
12. Ketua Pentadbiran bagi setiap desasiswa ialah
- A. Pegawai Tadbir
B. Penggawa
C. Felo
D. Profesor
13. Staf pelaksana lantikan mulai 1 Januari 2009 bagi Gred 1- 20, layak menerima tambahan _____ hari cuti selepas genap tempoh perkhidmatan _____ tahun.
- A. 5, 10
B. 3, 5
C. 5, 8
D. 3, 8

14. Tempoh percubaan seseorang pegawai boleh _____ kerana kegagalan disahkan dalam perkhidmatan semasa tempoh percubaan asal yang ditetapkan disebabkan oleh kecuaiian dan kelemahan pegawai.
- A. Dilanjutkan tanpa dikenakan denda
 - B. Dilanjutkan dengan dikenakan denda
 - C. Ditamatkan
 - D. Ditukarkan tempat bertugas
15. Naib Canselor boleh meluluskan cuti separuh gaji tidak melebihi _____ hari dalam satu-satu tahun kepada staf di atas sebab-sebab kesihatan sanak saudara yang rapat kepada staf tersebut.
- A. 14
 - B. 10
 - C. 8
 - D. 5
16. Perintah Am Bab C menegaskan bahawa jika seseorang pegawai tidak hadir bekerja bagi sesuatu tempoh tanpa sebab tertentu, maka :-
- A. Dirujuk ke Pusat Kaunseling
 - B. Perlu menggantikan cuti berkenaan
 - C. Tidak layak memohon cuti bagi tempoh tertentu
 - D. Tiada gaji bagi tempoh tidak hadir bekerja
17. Staf layak mendapat Cuti Tanpa Rekod bagi menghadiri hal-hal berikut **KECUALI** :-
- i. Kursus latihan semangat
 - ii. Dilantik sebagai jurulatih Program Latihan Khidmat Negara
 - iii. Kegiatan kebudayaan
 - iv. Kematian ibu/bapa mertua
- A. i, ii dan iii
 - B. iii dan iv
 - C. i, ii dan iv
 - D. Semua di atas

18. Hanya _____ boleh meluluskan cuti kecederaan kepada staf yang tercedera semasa bertugas tertakluk kepada perakuan Lembaga Perubatan.
- A. Pengerusi Lembaga Gabenor Universiti
 - B. Naib Canselor
 - C. Pengarah Pusat Sejahtera
 - D. Ketua Jabatan
19. Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU) ditubuhkan bagi menasihati Naib Canselor berhubung dengan fungsi pentadbiran dan pengurusannya. JKPU ini turut dianggotai oleh :-
- A. Pegawai Agama
 - B. Pegawai Kaunseling
 - C. Bendahari
 - D. Dekan
20. _____ akan bertindak sebagai Setiausaha Mesyuarat Senat Universiti.
- A. Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 - B. Pegawai Bahagian Pengurusan Akademik
 - C. Pendaftar
 - D. Setiausaha Pejabat yang dilantik oleh Senat
21. _____ dipertanggungjawabkan ke atas semua perkara berkaitan kunci dan anak kunci termasuk kunci keselamatan, menyelenggarakan sebuah buku daftar, mengemaskini dan membuat audit.
- A. Pegawai Keselamatan Jabatan
 - B. Ketua Jabatan
 - C. Staf Jabatan Keselamatan
 - D. Pengawal keselamatan yang diupah
22. Sebarang kehilangan kunci jabatan perlulah dilaporkan dalam tempoh _____ selepas kehilangan disedari.
- A. 5 jam
 - B. 12 jam
 - C. 24 jam
 - D. Tiada had tempoh

23. Rahsia besar ialah :-
- A. Dokumen, maklumat dan bahan rasmi jika didedahkan tanpa kebenaran akan membahayakan keselamatan negara.
 - B. Dokumen, maklumat dan bahan rasmi, jika didedahkan tanpa kebenaran walaupun tidak membahayakan keselamatan negara tetapi memudaratkan kepentingan Malaysia.
 - C. Dokumen, maklumat dan bahan rasmi selain daripada yang diperingkatkan
 - D. Dokumen, maklumat dan bahan rasmi jika didedahkan tanpa kebenaran akan menyebabkan kerosakan besar kepada Malaysia.
24. Warna kulit fail dalam klasifikasi TERHAD ialah :-
- A. Kuning
 - B. Putih
 - C. Hijau
 - D. Biru
25. Antara berikut yang manakah akan diterima oleh seorang pesara yang bersara wajib apabila mencapai umur 58 tahun?
- i. Pencen Terbitan
 - ii. Award Wang Tunai
 - iii. Ganjaran
 - iv. Kad pesara
- A. i dan ii sahaja
 - B. ii dan iii sahaja
 - C. ii, iii dan iv sahaja
 - D. i, ii, iii dan iv
26. Antara berikut, yang manakah merupakan Naib Canselor Universiti Sains Malaysia (USM) yang terkini?
- A. YBhg. Profesor Datuk Dr. Asma binti Ismail
 - B. YBhg. Profesor Emeritus Dato' Dr. Hassan bin Said
 - C. Profesor Dr. Faisal Rafiq bin Mahamd Adikan
 - D. Profesor Dr. Rafiq Faisal bin Mahmud Adikan

27. Semua jabatan Kerajaan, terutamanya yang berurusan terus dengan pelanggan hendaklah menyediakan perkhidmatan :-
- A. Kaunter
 - B. *Wifi*
 - C. Pusat pengaduan awam
 - D. Makluman atas talian
28. Bagi dokumen Sulit dan Terhad, ia hendaklah disimpan di dalam :-
- A. Kabinet besi atau almari besi berkunci
 - B. Peti besi yang dipasang dengan kunci tatakira
 - C. Bilik dan tingkap ditutup dan juga dikunci
 - D. Bilik Ketua Jabatan
29. _____ bertanggungjawab memastikan ruang pejabat disediakan mengikut keluasan yang telah ditetapkan. Panduan keluasan bilik pegawai, anggaran ruang kerja dan bilik gunasama hendaklah dibuat mengikut kesesuaian sesuatu jabatan.
- A. Jabatan Pembangunan
 - B. Ketua Jabatan
 - C. Jabatan Sumber Manusia
 - D. Pegawai Tadbir PTJ
30. Encik Ibrahim Hassan dilantik sebagai Penolong Jurutera JA29 pada 5 Mei 2019. Bilakah tarikh pergerakan gaji tahunan beliau pada tahun berikutnya?
- A. Januari 2020
 - B. April 2020
 - C. Julai 2020
 - D. Oktober 2020
31. Ketua Jabatan hendaklah berhubung dengan _____ untuk mendapatkan khidmat nasihat berkaitan staf.
- A. Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
 - B. Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)
 - C. Pejabat Buruh
 - D. Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar

32. Penilaian prestasi merupakan sebahagian daripada sistem pengurusan personel yang penting yang boleh digunakan untuk membantu setiap pegawai meningkatkan prestasi kerja masing-masing. Staf cemerlang lazimnya dihargai menerusi :-
- A. Anugerah Pentadbir Sanjungan
 - B. Majlis Sanggar Sanjung
 - C. Malam Sanjungan Budi
 - D. Anugerah Perkhidmatan Cemerlang
33. Pegawai tetap yang telah menyumbangkan perkhidmatan yang baik secara berterusan tidak kurang daripada 15 tahun hendaklah diberi Sijil Penghargaan sekiranya mereka telah menamatkan atau ditamatkan perkhidmatan kerana :-
- A. Bertukar warganegara
 - B. Ditamatkan demi kepentingan awam
 - C. Berpindah ke agensi lain
 - D. Meninggal dunia semasa dalam perkhidmatan
34. Bagi memastikan kualiti layanan perkhidmatan telefon yang diberikan adalah cekap, berkesan dan memenuhi standard kualiti yang ditetapkan, sistem telefon yang digunakan boleh diprogramkan agar talian yang tidak dijawab dalam tempoh _____ deringan akan dikembalikan semula kepada telefonis.
- A. Empat
 - B. Lima
 - C. Enam
 - D. Tujuh
35. Kemudahan Cuti Menjaga Anak yang bersambung daripada Cuti Bersalin terhad sehingga _____ sepanjang tempoh perkhidmatan.
- A. 365 hari (1 tahun)
 - B. 1095 hari (3 tahun)
 - C. 1460 hari (4 tahun)
 - D. 1825 hari (5 tahun)

36. Ketua Jabatan bertanggungjawab menentukan maklumat perkhidmatan pegawai di bawah seliaannya direkodkan dengan teratur, lengkap dan terkini di dalam buku perkhidmatan. Rekod perkhidmatan pegawai adalah bertaraf :-
- A. Rahsia
 - B. Terhad
 - C. Sulit
 - D. Am
37. Pengurusan surat terperingkat termasuk yang diterima dan yang dihantar hendaklah dikawal dengan selamat menerusi _____ semasa menerima, memproses, menyimpan dan menghantar mengikut Arahan Keselamatan.
- A. Pendaftaran rahsia
 - B. Unit Mel Berpusat
 - C. Setiausaha Pejabat
 - D. Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)
38. Fail terperingkat hendaklah dikelaskan mengikut peringkat keselamatan selaras dengan _____.
- A. Piagam Pelanggan
 - B. Misi organisasi
 - C. Visi Organisasi
 - D. Arahan Keselamatan
39. Pada tahun 2019, USM telah meluluskan kadar baharu kepada seseorang staf untuk mendapatkan rawatan, rundingan, ubat, suntikan, *nebulizer* dan pembedahan kecil di klinik panel yang berdaftar. Berapakah kadar baharu tersebut?
- A. RM40
 - B. RM45
 - C. RM 50
 - D. RM 55
40. Jabatan dan agensi hendaklah mendapatkan nasihat _____ semasa membangunkan sistem aplikasi berkomputer bagi memastikan rekod elektronik yang diwujudkan, disenggara dan dilupus mengikut piawaian kearkiban.
- A. Bahagian Sumber Manusia
 - B. Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia
 - C. Jabatan Arkib Negara
 - D. Jabatan Perangkaan Negara

41. _____ adalah rekod yang diterima secara rasmi atau yang dikeluarkan oleh mana-mana pejabat awam, perusahaan Kerajaan dan pekhidmat awam atau pekerja pejabat awam dalam menjalankan tugas rasminya.
- A. Dokumen kerajaan
 - B. Rekod kerajaan
 - C. Dokumen awam
 - D. Rekod awam
42. Sekiranya seseorang staf meninggal dunia semasa dalam perkhidmatan, berapakah kadar bayaran bantuan pengurusan jenazah (Tabung Kebajikan Staf) di USM yang akan diterima oleh waris staf berkenaan?
- A. RM 3,000
 - B. RM 5,000
 - C. RM 7,000
 - D. RM 10,000
43. Inventori ialah barang-barang tak luak yang bernilai kurang daripada RM500.00 setiap satu pada masa perolehan termasuklah :-
- i. perabot
 - ii. permaidani
 - iii. pinggan mangkuk
 - iv. alat tulis
- A. i, ii dan iii
 - B. i, iii dan iv
 - C. ii, iii, dan iv
 - D. Semua di atas
44. _____ adalah aplikasi yang membolehkan komunikasi berbentuk mesej elektronik dilakukan lebih dari dua hala dengan cara yang pantas.
- A. Aplikasi WhatsApp
 - B. Emel
 - C. Sistem Pesanan Ringkas (SMS)
 - D. Aplikasi Telegram

45. Kumpulan Meningkatkan Mutu Kerja (KMK) kini dikenali sebagai :-
- A. Kumpulan Inovasi
 - B. Kumpulan Kreatif dan Inovasi
 - C. Kumpulan Inovatif dan Kreatif
 - D. Kumpulan Kreatif
46. _____ ialah dokumen proses penting yang mengandungi arahan yang diperlukan untuk menyelesaikan proses kritikal dalam sesebuah Jabatan dan juga ia dapat memastikan operasi Jabatan terus berjalan dengan lancar sekiranya staf bertukar.
- A. Proses kerja
 - B. Prosedur Operasi Standard
 - C. Carta alir
 - D. Diskripsi Tugas
47. Perolehan sesuatu bekalan, perkhidmatan atau kerja yang dipesan, dibekalkan atau dilaksanakan dengan suci hati tetapi telah menyalahi peraturan kewangan yang berkuat kuasa dan menyalahi peraturan kewangan yang berkuat kuasa serta mengesyorkan tindakan tatatertib ke atas pegawai bertanggungjawab dikenali sebagai :-
- A. Arahan Perbendaharaan 59 (AP 59)
 - B. Surcaj
 - C. Pelanggaran etika
 - D. Pelanggaran integriti
48. Ketua Jabatan bertanggungjawab ke atas kawalan inventori dan bekalan pejabat mengikut kaedah yang berkuat kuasa. Untuk mencegah pembaziran, kehilangan, kerosakan dan penyalahgunaan, langkah berikut hendaklah diambil :-
- i. Pengeluaran bagi tujuan rasmi berdasarkan anggaran keperluan semasa
 - ii. Pengeluaran dilaksanakan secara masuk kemudian keluar dahulu
 - iii. Pengeluaran perlu dilulus dan direkodkan
 - iv. Mewujudkan sistem kawalan menggunakan aplikasi Teknologi Maklumat
- A. i, ii dan iii
 - B. i, iii dan iv
 - C. ii, iii, dan iv
 - D. Semua di atas

49. i) Pada setiap masa dan waktu menumpukan taat setia kepada Yang Di-Pertuan Agong, Kerajaan dan Negara;
- ii) Tidak berkelakuan hingga kepentingan peribadi bercanggah dengan tugas rasmi dengan mengelakkan daripada melakukan sesuatu yang boleh dilihat sebagai bercanggah dengan tugas rasmi;
- iii) Tidak menggunakan kedudukan rasmi untuk faedah diri sendiri.

Ini merupakan perkara yang dinyatakan dalam :-

- A. Misi dan Visi USM
- B. Ikrar Integriti Penjawat Awam
- C. Akujanji
- D. Piagam Pelanggan USM
50. Berapakah Kompetensi Teras USM?
- A. 6
- B. 7
- C. 8
- D. 9

oooo0oooo